

PERKHIDMATAN SISTEM PEMBEKALAN PENERBITAN (SPP)

Latar belakang

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merupakan Pusat Penyelaras Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP). Sistem ini telah dilancarkan pada 2 Jun 1988 yang merupakan lanjutan daripada Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan. Sistem ini membolehkan perkongsian bahan-bahan perpustakaan dilaksanakan di kalangan ahli SPP. Pada 13 Disember 2019, perkhidmatan SPP dipertingkatkan melalui penglibatan dalam Portal Katalog Induk Kebangsaan versi 2.0. melalui modul Pinjaman Antara Perpustakaan (ILL).

Objektif perkhidmatan

Beberapa objektif telah digariskan bagi perkhidmatan SPP ini. Antara lainya adalah:-

1. Menyediakan perkhidmatan bekalan penerbitan dalam bentuk asal atau salinan untuk meningkatkan akses kepada maklumat bagi tujuan pengajian, pengajaran dan penyelidikan untuk pengguna di dalam dan luar negara.
2. Menggalak dan memudahkan kerjasama kebangsaan dan antarabangsa dalam perkongsian sumber perpustakaan di kalangan perpustakaan.

Faedah keahlian

PNM sangat mengalu-alukan penglibatan pelbagai jenis perpustakaan dalam perkhidmatan ini. Oleh itu, pelbagai faedah boleh diperolehi sebagai ahli SPP seperti :-

1. Memenuhi keperluan maklumat pengguna perpustakaan.
2. Perkongsian sumber maklumat antara perpustakaan
3. Akses kepada kepelbagaian sumber maklumat secara global
4. Akses kepada data bibliografi dengan lebih baik

Syarat keahlian

Memandangkan pelbagai faedah boleh diperolehi daripada perkhidmatan ini, PNM telah menggariskan beberapa pra syarat yang perlu dipatuhi.

Syarat-syarat tersebut adalah:

1. Institusi yang mempunyai perpustakaan atau pusat sumber.

2. Institusi kerajaan atau bukan kerajaan yang sah dan berdaftar.
3. Permohonan tidak dibuka kepada individu atau orang perseorangan.
4. Pemohon hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh perpustakaan pembekal.
5. Mempunyai pegawai yang bertanggungjawab menguruskan SPP.
6. Melengkapkan butiran penuh permohonan iaitu:
 - i. Nama pegawai
 - ii. Emel pegawai/ emel rasmi jabatan
 - iii. Nama institusi
 - iv. Alamat penuh institusi
 - v. Nombor telefon

Perkhidmatan

Bagi memastikan perkhidmatan SPP berjalan lancar, pemohon bertanggung jawab memastikan prosedur dan pra syarat ini dipatuhi:-

1. Jumlah dan Tempoh Pinjaman

- i. Hanya 10 buah bahan yang boleh dipinjam dalam satu masa
- ii. Tempoh pinjaman adalah 1 (satu) bulan
- iii. Pembaharuan tempoh pinjaman adalah 1 (satu) bulan walau bagaimanapun sekiranya bahan yang sama ditempah oleh pengguna/perpustakaan lain, pembaharuan bahan adalah TIDAK dibernarkan.

2. Peraturan Pinjaman

Hanya **10 (sepuluh)** buah buku boleh dipinjam dalam satu masa oleh sesebuah perpustakaan. Pemohon bertanggung jawab untuk memastikan bahan yang dipinjam berada dalam keadaan baik. Sebarang kos pembaikan atau penggantian bahan adalah tanggung jawab perpustakaan berkaitan.

3. Bayaran dan Denda

Tiada bayaran dikenakan kepada pemohon. Pembayaran hanya dikenakan terhadap permintaan untuk mendapatkan salinan bahan. Denda dikenakan bagi bahan yang melebihi tempoh pinjaman atau hilang dengan merujuk Akta Perpustakaan Negara 1972, Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara (Bayaran dan Denda) (Pindaan) 2015.

Kos penghantaran bahan adalah dibawah tanggungan perpustakaan pembekal. Walau bagaimanapun kos pemulangan bahan melalui pos adalah ditanggung oleh pemohon.

4. Bahan Pinjaman

Bahan yang **BOLEH** dipinjam adalah bahan bercetak seperti buku, seminar dan laporan **KECUALI** bahan daripada Koleksi Standard dan Koleksi Khas. Pinjaman bahan manuskrip pula hanya dalam bentuk mikrofom. Salinan fotokopi bahan-bahan asal yang tidak dapat dipinjam boleh dibekalkan atas permohonan, dengan syarat permohonan seperti ini adalah selaras dengan peruntukan Akta Hakcipta 1987.

Bahan yang **TIDAK BOLEH** dipinjam adalah bahan yang cuma ada satu salinan, bahan yang sedang/telah dihapuskira, bahan dalam sirkulasi, bahan yang telah dihantar untuk dijilid/pembaikan serta bahan rujukan (kamus / ensiklopedia).

5. Cara Permohonan

Permohonan hendaklah dibuat oleh perpustakaan / organisasi. Ia boleh dibuat melalui portal KIK atau e-mel rasmi SPP dan atau melalui surat rasmi. Permohonan bahan-bahan yang tidak terdapat dalam negara boleh dikemukakan kepada Pusat Penyelaras yang bertanggungjawab menghantar permohonan tersebut ke luar negara. Semasa membuat permohonan SPP, butir-butir lengkap bibliografi hendaklah diisi seperti berikut:

- i. Buku/Bab dengan menyatakan nama pengarang, judul dan nombor panggilan

ii.Artikel/Rencana yang lengkap dengan judul penuh, nama majalah/surat khabar/persidangan, pengarang, judul, tarikh penerbitan volum, nombor keluaran dan nombor panggilan.

Hantarkan permohonan kepada :-

Perpustakaan Negara Malaysia
Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
Unit Sistem Pembekalan Penerbitan
Aras 8, Menara PNM
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

03 2687 1835 / 4241

Portal : kik.pnm.gov.my

Emel : spp@pnm.gov.my

Waktu perkhidmatan

Isnin-Jumaat : 8.00 pagi – 5.00 petang

Sabtu, Ahad dan Cuti Umum : TUTUP



Borang Permohonan Ahli SPP